



Sesi pendaftaran pelajar baharu Program Tamhidi USIM.

“
USIM MENAWARKAN
LIMA PROGRAM
TAMHIDI KEPADA
LULUSAN SIJIL
PELAJARAN
MALAYSIA (SPM)
IAITU TAMHIDI
SYARIAH DAN
UNDANG-UNDANG;
TAMHIDI SAINS
DAN TEKNOLOGI;
TAMHIDI
PERUBATAN;
TAMHIDI PERGIGIAN
DAN TAMHIDI
PERAKAUNAN.”

910 pelajar baharu Tamhidi USIM

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

Nilai

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima seramai 910 pelajar baharu bagi mengikuti program Tamhidi pada sesi akademik 2015/2016.

Sesi pendaftaran berjalan lancar di Dewan Besar USIM, di sini, dengan beberapa kaunter khas disediakan Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat.

USIM menawarkan lima program Tamhidi kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu Tamhidi Syariah dan Undang-undang; Tamhidi Sains dan Teknologi; Tamhidi Perubatan; Tamhidi Pergigian dan Tamhidi Perakaunan.

Tahun ini, USIM menerima sejumlah 23,907 permohonan dan daripada jumlah itu, 2,407 calon memilih USIM sebagai universiti pilihan pertama.

Bagaimanapun, hanya 1,100 tempat ditawarkan kepada calon yang layak.

Bagi bekas pelajar Sekolah Agama Sultan Mohamad, Batu Berendam, Melaka, Muhamad Hafizuddin Hazaraimi, 18, beliau teruja apabila menerima tawaran mengikuti program Tamhidi Sains dan Teknologi.

Katanya, USIM memiliki keisti-



Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof Dr Dzulkiple Abd Ghani (dua dari kanan) bermesra dengan pelajar baharu.

mewaan tersendiri yang mampu menarik minat pelajar memilih universiti itu sebagai universiti pilihan bagi mengikuti pengajian peringkat tinggi.

Duniawi dan ukhrawi

“Gabungan ilmu duniawi dan ukhrawi dalam pengajian mem-

buatkan saya tekad memilih USIM demi mencapai impian menjadi doktor perubatan Islam suatu masa nanti,” katanya.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah, Melaka, Aimi Afiqah Sulaiman, 18, berazam untuk menunaikan tanggungjawab

baharu sebagai mahasiswa.

Beliau yang akan mengikuti program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat yakin kredibiliti USIM mampu membekalkan pengetahuan dan kemahiran yang seimbang kepada pelajar.

“Selain mengejar cita-cita untuk menjadi akauntan, saya akan

memanfaatkan peluang berada di USIM untuk mendalami ilmu agama,” katanya.

Selesai sesi pendaftaran, pelajar kemudian mengikuti program Taaruf di bawah kendalian Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang padat dengan pelbagai pengisian dan aktiviti bermanfaat.